

## PENGUATKUASAAN DASAR MONOPOLI KERAJAAN OLEH BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP PERDAGANGAN CANDU DI SELANGOR, 1911-1941

*ENFORCEMENT OF THE GOVERNMENT'S MONOPOLY POLICY BY THE  
BRITISH AND ITS IMPACT ON THE OPIUM TRADE IN SELANGOR,  
1911-1941*

Nur Azrin Mohammed Mohayaddin & Adnan Jusoh

### Abstrak

---

Artikel ini memfokuskan mengenai penguatkuasaan Dasar Monopoli Kerajaan oleh British terhadap perdagangan candu di Selangor dari tahun 1911 hingga 1941. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan senario perdagangan candu di Selangor setelah British melaksanakan Dasar Monopoli Kerajaan bagi menggantikan Sistem Pajakan Hasil yang selama ini diamalkan. Di samping itu, penulisan ini juga turut membincangkan kesan Dasar Monopoli Kerajaan yang dikuatkuasakan oleh British dalam perdagangan candu terhadap sektor ekonomi negeri Selangor sepanjang tempoh tersebut. Kaedah kualitatif digunakan untuk menghasilkan artikel ini dengan menganalisis sumber primer seperti fail-fail kerajaan dan dokumen. Manakala sumber sekunder pula adalah dengan merujuk buku, artikel dan laman sesawang. Hasil kajian mendapat terdapat banyak pembaharuan yang dilakukan oleh British namun kesemuanya mengambil kira kepentingan pihak mereka sahaja tanpa mengira kesannya terhadap masyarakat tempatan. Menerusi dasar ini, pihak British mengawal keseluruhan proses perdagangan candu termasuklah proses import hingga kepada pemberian lesen jualan kepada peniaga. Selain itu, mereka turut mampu mengawal kegiatan candu yang sebelum ini dimonopoli oleh kaum Cina. Bukan itu sahaja, pihak British turut berjaya memperoleh pendapatan yang tinggi kesan daripada dasar yang diperkenalkan yang tidak pernah mereka peroleh sebelum ini. Namun British akhirnya akur, kemelesetan ekonomi dunia dan penurunan terhadap permintaan bijih timah turut menyebabkan permintaan candu juga mengalami penurunan yang mendadak dan akhirnya dikeluarkan daripada bajet Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1943 sebelum British memutuskan pengharaman candu secara total.

---

**Kata kunci:** Selangor, Pentadbiran British, Dasar Monopoli Kerajaan, Sistem Pajakan Hasil Candu, Candu

### Abstract

---

*This article focuses on the enforcement of the Government's Monopoly Policy by the British against the opium trade in Selangor from 1911 to 1941. The objective of this article is to discuss the scenario of the opium trade in Selangor after British implemented the Government's Monopoly Policy to replace the Revenue Lease System that had been*

*practiced. In addition, this writing also discusses the effects of the Government Monopoly Policy enforced by British in the opium trade on the economic sector of the state of Selangor throughout the period. Qualitative methods were used to produce this article by analyzing primary sources such as government files and documents. While secondary sources are by referring to books, articles and websites. The results of the study found that there were many reforms carried out by the British, but all of them took into account the interests of their side only, regardless of the impact on the local community. Through this policy, British controlled the entire opium trade process including the import process up to the granting of sales licenses to dealers. In addition, they are also able to control opium activities which were previously monopolized by the Chinese. Not only that, British also managed to obtain a high income as a result of the policy introduced which they had never obtained before. But British finally agreed, the global economic recession and the decline in demand for tin also caused the demand for opium to also experience a sharp decline and was finally removed from the budget of the Federated Malay States. This situation continued until 1943 before they decided to ban opium altogether.*

**Keywords:** Selangor, British Administration, Government Monopoly Policy, Opium Revenue Leasing System, Opium


## PENGENALAN

Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, perdagangan cанду berkembang menjadi satu komoditi terpenting di Selangor selari dengan pertambahan lombong bijih timah serta kemasukan imigran Cina ke negeri ini. Sejarah awal memperlihatkan cанду berperanan sebagai ubat bius yang digunakan ketika melakukan pembedahan dalam dunia perubatan. Namun menjelang abad ke-17, cанду mula diambil bagi tujuan yang berbeza. Bagi membincangkan mengenai pengambilan cанду, ia amat dekat dengan masyarakat berbangsa Cina sehingga jika melawat ke rumah orang Cina, mereka akan menawarkan cанду seperti mereka menawarkan teh (Ong dan Isralowitz 1996). Justeru itu, perkembangan negeri Selangor sebagai sebuah negeri pengeluar bijih timah turut membawa bersama kemasukan imigran Cina untuk bekerja di lombong. Kemasukan mereka bukan hanya sebagai buruh, namun membawa bersama budaya menghisap cанду yang sudah menjadi amalan di negara asal. Namun demikian, amalan menghisap cанду semakin ketara atas dasar yang dibuat oleh pihak British dan sikap para pengusaha lombong yang hanya memikirkan keuntungan untuk mengukuhkan lagi ekonomi mereka.

Pihak British telah memperkenalkan satu sistem baharu iaitu ‘Sistem Pajakan Hasil Cанду’. Melalui sistem ini mereka akan mendapat keuntungan dengan memberi hak pajakan kepada para pemodal atau pihak swasta yang mampu untuk bersaing menawarkan harga tinggi bagi memperoleh lesen menjalankan perniagaan (Tregonning 1964). Sistem Pajakan Hasil Cанду dijalankan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) termasuk Selangor tanpa sebarang isu sehingga pada awal abad ke-20, di mana pandangan masyarakat terhadap pengambilan cанду mula berubah. Hal ini kerana sudah terdapat kesedaran dalam masyarakat terutamanya bangsa Cina yang turut dipengaruhi dengan perkembangan gerakan di peringkat antarabangsa yang menggesa pengharaman cанду. Selain itu, terdapat juga beberapa isu yang timbul sehingga membawa kepada penutupan lombong-lombong bijih timah di Selangor. Kesannya pihak British telah menggantikan Sistem Pajakan Hasil Cанду kepada ‘Dasar Monopoli Kerajaan’ pada tahun 1911. Melalui dasar ini, British mengambil alih dan mengawal kesemua proses perdagangan cанду bermula daripada membawa masuk cанду mentah sehingga kepada penjualan cанду yang sudah diproses kepada orang awam. Ini dilakukan sebagai satu usaha untuk membanteras isu monopoli perdagangan cанду dalam kalangan orang Cina dan secara perlahan-lahan menghapuskan amalan menghisap cанду. Pertukaran sistem kepada satu dasar yang baharu semestinya memberi sesebuah pentadbiran.

## LATAR BELAKANG

Selangor adalah sebuah negeri yang sangat strategik. Kedudukannya berada di tengah-tengah Semenanjung Tanah Melayu serta bertentangan dengan Selat Melaka telah menjadikannya sebuah negeri yang sering menjadi rebutan kuasa-kuasa besar dunia termasuklah Britain. Selangor pernah menjadi jajahan takluk di bawah Kesultanan Melayu Melaka di zaman kegemilangan kesultanan tersebut sebelum diletakkan di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah II iaitu pemerintah negeri Johor (Gullick 1993). Campur tangan British dalam pentadbiran negeri Selangor adalah dengan mendapat pengabsahan sultan bermula pada tahun 1874 antara Sir Andrew Clark iaitu Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS) dengan Sultan Abdul Samad dengan harapan Selangor akan mendapat kemajuan dari segi ekonomi, sosial dan politik seperti di NNS (Noorjannah dan Adnan 2018).



Rajah 1. Peta negeri Selangor  
*Sumber:* Survey Dept. F.M.S. Selangor (1950)

Kehadiran British turut memperkenalkan Sistem Residen yang telah mengehadkan kuasa pemerintahan Sultan. Residen British yang pertama dilantik di Selangor ialah J.G. Davidson pada tahun 1874. Sistem Residen diperkenalkan oleh British dengan beberapa matlamat. Antaranya yang pertama ialah untuk menegakkan keamanan melalui undang-undang. Kedua, mewujudkan satu sistem pentadbiran awam dan pungutan cukai yang teratur dan ketiga memajukan ekonomi melalui eksloitasi sumber semula jadi negeri-negeri Melayu (Abdullah Zakaria 2005). Ini jelas menunjukkan sistem ini sebenarnya hanya menguntungkan pihak British sahaja. Semenjak sistem Residen diperkenalkan, fungsi perundungan dan pentadbiran negeri yang utama berada di bawah arahan mereka seperti mengutip cukai, perbelanjaan kewangan negeri, pengurusan kastam, tanah, perlombongan, polis dan mahkamah. Oleh yang demikian, kuasa para pembesar daerah telah terhapus. Pihak British memperlihatkan bahawa masih ada ruang untuk golongan elit Melayu mengekalkan kuasa, pangkat dan prestij melalui keanggotaan dalam Majlis-Majlis Undangan Negeri yang digelar “waris negeri.”

Pada tahun 1877 satu Majlis Mesyuarat Negeri ditubuhkan yang dianggotai oleh Sultan, Kapten Bloomfield Douglas (Residen British) dan para pembesar negeri (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor 2019). Seterusnya bagi melicinkan pentadbiran, British menggabungkan Selangor bersama-sama negeri lain seperti Perak, Pahang dan Negeri Sembilan menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada 1 Julai 1896. Idea penubuhan NNMB ini dicadangkan oleh Frank Swettenham (PeKhabar 2015). Seterusnya bagi mencapai matlamat sistem residen yang ketiga, pihak British membuka lebih banyak lombong-lombong bijih timah di negeri Selangor. Pembukaan lombong bijih timah membawa bersama kemasukan imigran dari China yang turut memperkenalkan pengambilan candu di Tanah Melayu.

Menurut *The Opium and Chandu Enactment 1910*, opium adalah jus yang diperoleh daripada kapsul *papaver somniferum*. Manakala chandu adalah apa-apa penyediaan dengan mlarutkan, mendidih, memanggang dan penapaian yang direka untuk mengubahnya menjadi ekstrak yang sesuai untuk diminum dan termasuk *chandu dross* (1957/0191156 *The Opium and Candu Enactment 1910 Amendment Enactment 1916*). Pada awalnya candu terkenal kerana keberkesanannya sebagai ubat pelali dan digunakan ketika melakukan pembedahan, hanya menjelang abad ke-19 sahaja pengambilannya dianggap sebagai satu aktiviti yang tidak sihat apabila aktiviti ini sering dilihat di rumah-rumah pelacuran dan perjudian. Namun menjelang abad ke-20 senario ini mengalami perubahan dan mula mendapat perhatian di peringkat antarabangsa dan pelbagai langkah untuk menyekat perdagangannya mula dilakukan.

## **PERKEMBANGAN PERDAGANGAN CANDU DI SELANGOR**

Secara amnya, terdapat dua sistem bentuk perdagangan candu di Selangor, iaitu ‘Sistem Pajakan Hasil Candu’ yang kemudiannya dihapuskan dan digantikan dengan ‘Dasar Monopoli Kerajaan’.

### **a. Sistem Pajakan Hasil Candu**

Pembukaan lombong bijih timah menyebabkan British menggalakkkan kemasukan orang-orang Cina bagi memenuhi kekosongan tenaga kerja yang ada dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti subsidi tambang, jaminan keselamatan dan sebagainya. Ternyata apa yang ditawarkan di Tanah Melayu menarik orang-orang Cina untuk berhijrah ditambah dengan faktor penolak di negara asal seperti masalah kemiskinan dan kebuluran yang dihadapi. Penghijrahan mereka turut membawa bersama amalan menghisap candu. Selanjutnya British melihat amalan ini sebagai satu peluang keemasan yang mampu menjana ekonomi negeri. Justeru itu, Sistem Pajakan Hasil Candu dilaksanakan di Selangor pada pertengahan tahun 1886 (SSF 3685/1894 *Selangor Opium Farms Conditions. Selangor Coast Chandu Farm Conditions*). Melalui sistem ini, kerajaan British akan memberi satu lesen kepada para pemajak untuk mengutip cukai atau menjalankan perniagaan dengan membuat sejumlah pembayaran sebagai sewaan kepada mereka bagi mendapatkan lesen. Terdapat dua bentuk pajakan candu di Selangor iaitu *Selangor Opium Farm* dan *Selangor Coast Chandu Farm*.

#### ***Selangor Opium Farm***

*Selangor Opium Farm* memberikan hak sepenuhnya kepada para pemajak untuk mengutip cukai terhadap semua candu yang diimport ke Selangor. Pada tahun 1886, kadar cukai yang ditetapkan oleh kerajaan negeri bernilai \$7 untuk satu ketul dan \$280 bagi setiap kotak. Pegawai daerah bertanggungjawab untuk memastikan ladang jenis ini beroperasi dengan lancar tanpa sebarang masalah. Seterusnya Pegawai Daerah juga diberi kuasa untuk memilih wakil daripada para pemajak bagi urusan mengutip cukai hasil di kawasan mereka (SSF 3685/1894 *Selangor Opium Farms Conditions. Selangor Coast Chandu Farm Conditions*). Selain itu, untuk mengelakkan timbulnya kekeliruan, satu lencana khas diberikan kepada wakil yang dipilih. *Selangor Opium Farm* dimonopoli oleh orang Cina yang turut mengusahakan perlombongan bijih timah. Pada peringkat awal, *Selangor Opium Farm* dilihat sebagai menyediakan struktur pelaburan namun akhirnya ia mempunyai perkaitan dengan kongsi gelap. Para pemegang lesen yang juga pengusaha lombong kebiasaannya akan menyediakan keperluan yang diperlukan oleh pekerja lombong apa sahaja barang yang

mereka perlukan. British akan memberikan mereka surat kuasa untuk menjual candu, daging babi, menguruskan perjudian, pajak gadai serta konsesi untuk menjalankan kegiatan pelacuran. Tetapi ternyata daripada kesemua perusahaan ini, candu menjadi komoditi terpenting yang diniagakan di kedai-kedai ini (Carl 2002). Hal ini jelas menunjukkan bahawa candu adalah keperluan hidup bagi para pekerja lombong dan keadaan ini digunakan sebaiknya oleh pihak British dan para pemajak untuk mengaut keuntungan menerusinya.

### ***Selangor Coast Chandu Farm***

*Selangor Coast Chandu Farm* pula memberi hak penuh kepada pemegang lesen pajakan untuk memproses dan menjual produk candu yang telah diproses di beberapa kawasan yang ditetapkan British seperti Kuala Langat, Kuala Selangor, Bernam dan Klang. Namun demikian, penjualannya mestilah dilakukan di kedai-kedai candu dalam kawasan yang telah ditetapkan sahaja. Di setiap kedai pula papan tanda *Candu Farm Shop* harus dipaparkan dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina serta mesti diletakkan di tempat yang dapat dilihat oleh semua orang. Menerusi syarat yang terdapat dalam lesen ini, pengusaha yang membahayakan kesihatan pengguna candu akan ditangkap dan hasil candu dalam simpanan mereka turut dirampas. Selain daripada pemegang lesen, terdapat juga pengecualian diberikan kepada sesetengah perusahaan untuk memasak candu bagi kegunaan sendiri dan para pekerja mereka seperti pengurus lombong bijih timah, gambir, lada hitam dan Sultan Selangor. Selanjutnya pihak British akan membuat pemberitahuan mengenai pemberian tender dengan mengeluarkan notis tawaran oleh kerajaan negeri menerusi akhbar seperti *Straits Settlements Government Gazette* dan *Selangor Government Gazette*. Bagi mereka yang berminat hendaklah menghantar tawaran kepada Residen dengan menyatakan harga yang mereka tawarkan berserta butir-butir peribadi dan penjamin. Tempoh pemberian lesen biasanya adalah untuk tempoh tiga tahun atau kurang. Perdagangan candu begitu menguntungkan British, dilaporkan sehingga tahun 1898 hasil candu telah menyumbang sebanyak 9.1 peratus hingga 18.6 peratus pada tahun 1898 hingga 1907 kepada NNMB termasuk Selangor (Carl 2002).

### **Kesan Sistem Pajakan Hasil Candu**

Sistem Pajakan Hasil Candu secara tidak langsung telah melahirkan kapitalis Cina kerana kebanyakan pengusaha lombong bijih timah adalah pemegang lesen pajakan. Mereka turut mengawal harga jualan candu di lombong-lombong untuk mengelakkan masalah dan mudah mengawal para pekerja. Jika kawalan harga dilakukan oleh pemerintah, mereka khuatir buruh-buruh tidak mampu untuk membeli kerana berpendapatan rendah dan akan kembali ke tanah air seterusnya menyukarkan mereka kerana kekurangan tenaga pekerja. Menjelang abad ke-20, sudah terdapat gerakan yang menentang amalan menghisap candu di Selangor. Jika sebelum ini, candu tidak dilihat sebagai satu perkara yang menimbulkan satu masalah sosial dalam masyarakat, namun dengan apa yang berlaku di Britain dan China telah mengubah persepsi ini. Satu keputusan mengejutkan dilakukan oleh kerajaan Britain pada 30 Mei 1906 apabila memberi kelulusan terhadap satu resolusi membanteras pengambilan candu setelah Setiausaha Kerajaan British India, John Morley bersetuju untuk menanggung kerugian hampir £3,000,000 sekiranya negara China mahu bekerjasama dalam usaha membanteras perdagangan candu (*Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser* 1906). Sesungguhnya keputusan ini bukanlah sesuatu keputusan yang mudah untuk dibuat oleh British kerana seperti sedia maklum, perdagangan candu telah menjana pendapatan ekonomi yang tinggi kepada mereka dan dianggap sebagai tidak berbahaya seperti yang dilaporkan pada tahun 1893. Menerusi laporan yang hampir 2,500 muka surat itu, suruhanjaya menyimpulkan bahawa;

“Sebagai hasil daripada siasatan carian, dan setelah semakan yang disengajakan ke atas banyak bukti yang dikemukakan kepada kami, kami berasa terikat untuk menyatakan keyakinan kami bahawa pergerakan di England yang memihak kepada campur tangan aktif di pihak Parlimen Imperial untuk penindasan tabiat candu di India, telah bermula daripada tanggapan yang berlebihan tentang sifat dan tahap jahat untuk dikawal. Penerangan suram yang disampaikan kepada penduduk British kemerosotan moral dan fizikal yang meluas oleh candu, belum diterima oleh saksi

yang mewakili rakyat India, mahupun oleh mereka yang paling bertanggungjawab untuk kerajaan negara.” (Richards 2002)

Namun desakan terus dibuat kepada kerajaan Britain dan bantahan terhadap aktiviti perdagangan cанду dilakukan di peringkat antarabangsa. Desakan ini mengakibatkan Britain membuat perubahan terhadap polisi cанду sedia ada di tanah jajahannya dan menjadi pemangkin kepada gerakan anti-cанду di Tanah Melayu.

### **Gerakan anti-cанду**

Di Selangor, pada 31 Oktober 1906, satu perjumpaan besar-besaran dibuat oleh penduduk Cina di Dewan Teater Jalan Sultan. Perjumpaan tersebut adalah untuk mencari satu resolusi bagi mengekang masalah penggunaan cанду yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Cina sehingga mengakibatkan masalah fizikal, moral dan sosial. Daripada perjumpaan tersebut, wakil penduduk iaitu Tauke Chan Sow Lin iaitu Pengerusi Mesyuarat Anti-Cанду Cina, mendesak kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menilai keburukan yang dibawa oleh amalan pengambilan cанду dan surat tersebut dipanjangkan kepada Pemangku Setiausaha Residen Selangor (1957/0132576 *Resolution passed at a mass meeting of the Chinese inhabitants of Kuala Lumpur to suppress the opium traffic*). Persatuan Anti-Cанду Selangor (*Selangor Anti-Opium Society*) dibentuk pada September 1906 diketuai oleh Chan Sow Lin dan dibantu oleh Un Ka Tseung sebagai setiausaha dengan dianggotai hampir 100 orang ahli menjelang tahun 1908. Gerakan anti-cанду yang begitu hebat berlaku di negara China telah mendorong semangat dan usaha yang sama buat masyarakat Cina di negeri-negeri Melayu khususnya Selangor. Pertubuhan Anti-Cанду Selangor telah dipelopori oleh golongan pengusaha lombong bijih timah sendiri, walaupun sebahagian mereka masih lagi melakukan perdagangan cанду namun bantuan dari segi moral dan kewangan diberikan. Misalnya, sejak awal penubuhan, pertubuhan ini menerima sumbangan sebanyak £5,000 daripada para pengusaha lombong. Mereka turut membuat satu perjanjian bertulis menandakan sokongan terhadap gerakan anti-cанду dan dilaporkan terdapat 89 pengusaha lombong yang tidak membenarkan buruh-buruh yang bekerja di lombong bijih timah milik mereka untuk mengambil dan menggunakan paip cанду di rumah-rumah kongsi. Yap Kwan Seng, Loke Yew, Chan Sow Lin, Low Book Kim, Loke Chow Thye dan Choo Cheng Kay adalah sebahagian daripada pengusaha lombong yang menandatangani aku janji tersebut pada Januari 1907 (Jayakumary dan Azmi 2018). Walaupun mereka sedar akan risiko kerugian yang akan dihadapi kerana cанду menyumbang sebanyak 30 peratus daripada hasil pendapatan mereka.



Rajah 2. Pekerja Cina lombong bijih timah sedang menghisap cанду, akhir abad ke-19/ awal abad-20

*Sumber:* Diana S. Kim (2020)

Seterusnya pada tahun 1907, pemeriksaan dibuat bagi menentukan sejauh manakah tabiat pengambilan candu memberi kesan kepada orang yang mengambilnya. Satu suruhanjaya telah ditubuhkan bagi memastikan keberkesanan amalan pengambilan candu dapat memuaskan nafsu, adakah kebiasaan semakin bertambah dan apakah langkah yang harus diambil ke arah membasmi atau menghapuskan amalan tersebut. Hasil daripada tinjauan mereka diterbitkan dalam tiga jilid laporan pada tahun 1908

“pihak Suruhanjaya berpendapat yang sederhana berhubung dengan kesan buruk penghisapan *opium*. Berhubung dengan kesan buruk kepada fizikal seseorang, didapati saksi-saksi perubatan secara praktiknya sebulat suara melahirkan pendapat mereka bahawa penghisapan candu secara sederhana secara relatifnya adalah tidak bahaya, melainkan bagi pengamal-pengamal perubatan yang berpegang kuat kepada pendapat yang menentang *opium*. Malah jika kepuasan terbawa-bawa sehingga menyebabkan berlakunya penghisapan secara berlebihan (mengikut saksi-saksi tadi) masih tidak berlaku perubahan organik di dalam badan, walaupun berlakunya keburukan fungsional seperti sembelit, gangguan kepada organ-organ penghadaman serta tubuh menjadi kurus kering, serta kehilangan tenaga, perkara-perkara ini sebenarnya adalah akibat-akibat yang biasa sahaja” (Victor 1997).

Berdasarkan kenyataan di atas, pihak suruhanjaya membuat rumusan bahawa keburukan yang timbul akibat amalan mengambil candu tidaklah begitu membimbangkan sehingga ia perlu diharamkan secara keseluruhan. Namun pengharamannya mungkin akan lebih berkesan jika mendapat persetujuan peringkat antarabangsa. Jika pengharaman secara total dilakukan, kemungkinan para penghisap candu akan mengambil alternatif lain seperti dadah jenis morfin yang lebih memberikan kesan yang buruk. Namun demikian, pihak suruhanjaya mengusulkan agar langkah-langkah ketat yang boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa bagi mengurangkan kebergantungan golongan buruh khususnya orang-orang Cina terhadap candu. Antara cadangan mereka adalah dengan menghapuskan pajakan ladang candu bagi mengelakkan penyeludupan serta pihak British sendiri perlu mengambil alih pengurusan candu secara keseluruhan. Larangan menghisap candu di rumah pelacuran adalah perlu namun tiada keperluan untuk menghentikan penjualan candu di kelab-kelab sosial (Victor 1997). Berdasarkan kenyataan ini, jelas menunjukkan British sememangnya mengambil perhatian terhadap kritikan dan desakan yang diterima terhadap keuntungan yang diperoleh daripada perdagangan candu, namun mereka mengambil langkah berhati-hati daripada terus mengharamkannya agar tidak timbul masalah lain yang lebih serius dan merugikan mereka.

#### **b. Penguatkuasaan ‘Dasar Monopoli Kerajaan’**

Pada awal abad ke-20, hasil pengeluaran bijih timah di Selangor semakin berkurangan disebabkan oleh kaedah perlombongan yang semakin sukar dengan menggunakan teknik sedia ada. Perkara ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada kapitalis Barat dengan teknologi baru untuk datang mencebur bidang ini. Hal ini juga menyebabkan permintaan terhadap candu kian menurun ditambah dengan gerakan anti-candu yang ada. Dalam satu dokumen yang bertarikh 20 September 1909, Pertubuhan Anti-Candu Selangor meminta pihak British untuk mengambil kira beberapa resolusi yang dicadangkan berkenaan dengan pemansuhan menghisap candu di beberapa kawasan seperti depoh beca, restoran awam, rumah makan dan semua tempat yang bersifat awam dan separa awam (1957/0132576 *Resolution passed at a mass meeting of the Chinese inhabitants of Kuala Lumpur to suppress the opium traffic*). Mereka yakin pengharaman ini mampu untuk dilaksanakan tanpa sebarang kesulitan dengan mengambil kira kejayaan pengharaman pengambilan candu yang telah berkuat kuasa di rumah-rumah pelacuran. Permintaan terhadap resolusi ini diterima pada 1 Oktober 1909 oleh Setiausaha Residen Selangor. Walaupun beberapa langkah dilakukan oleh pihak British seperti menaikkan harga cukai ke atas candu namun permintaan terhadapnya masih lagi tinggi ekoran daripada tindakan pengusaha lombong bijih timah yang menggunakan sistem kredit terhadap pembelian candu (1957/0148233 *Forwards copy of the resolutions of the anti-opium conference held at Kuala Lumpur*). Melalui sistem ini, buruh yang bekerja di lombong boleh membayar secara ansuran candu

yang di ambil dari kedai kerana kebanyakan pengusaha lombong juga adalah pemegang lesen bagi pajakan hasil candu. Hal ini turut mengakibatkan gaji yang diperoleh dihabiskan bagi membayar hutang yang dilakukan. Dalam sisi yang lain, hal ini merupakan salah satu cara yang dilakukan oleh pemerintah bagi mengambil kembali cukai daripada para imigran.

Selain itu, dalam satu sidang parlimen yang diadakan di Britain, pihak British meminta agar pegawai di tanah jajahan untuk menggantikan sistem sedia ada dengan satu dasar yang dapat dikawal sepenuhnya oleh kerajaan. Oleh itu pada tahun 1910, Sistem Pajakan Hasil Candu dihapuskan dan digantikan dengan satu dasar baru yang dinamakan sebagai ‘Dasar Monopoli Candu’. Terdapat juga satu enakmen yang turut digubal bagi menyokong dasar monopoli iaitu Enakmen Opium dan Candu 1910, (*The Opium and Candu Enactment 1910*) yang mula berkuat kuasa 1 Januari 1911 (1957/0162444: *Annual Report on the Candu Monopoly for 1911-1912*). Langkah ini jika dilihat adalah bagi mengawal perdagangan candu yang selama ini dimonopoli oleh kapitalis Cina dan dapat membendung pengambilan candu yang semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat terutamanya orang-orang Cina. Hal ini kerana banyak pihak beranggapan hanya pemerintah sahaja yang mampu membanteras amalan pengambilan candu yang membimbangkan ini. Namun dasar Monopoli Kerajaan yang dilaksanakan ternyata semakin mengukuhkan lagi amalan menghisap candu dan British dilaporkan memperoleh keuntungan yang sangat banyak daripada pelaksanaan dasar ini. Walaupun objektif utama dasar ini adalah untuk mengurangkan kadar pengambilan candu serta menurunkan kadar jualan candu secara berperingkat sebelum menghapuskan terus pengambilannya.

### **Penubuhan Jabatan Monopoli Candu**

Di bawah Dasar Monopoli Kerajaan, segala urusan perdagangan candu akan diuruskan di bawah Jabatan Monopoli Kerajaan (*Government Monopolies Department*) yang diketuai oleh *Superintendent Government Monopolies* yang berpangkalan di Singapura dan mempunyai cawangan di setiap negeri. Di Selangor, jabatan ini terletak di bangunan *Chinese Secretariat* dan lebih dikenali sebagai Jabatan Monopoli Candu. *Superintendent of Candu* yang dipilih akan mengetuai jabatan serta dibantu oleh pegawai-pegawai candu yang lain serta diberi kuasa untuk menguruskan segala urusan pemprosesan jual beli candu, *chandu dross*, memberi lesen penjualan candu serta mengadakan pemeriksaan secara rawak terhadap kedai-kedai yang diberi lesen (1957/0162444, *Annual Report on the Candu Monopoly for 1911-1912*). Seterusnya, candu yang sudah siap diproses akan ditempatkan sementara di bangunan *Chinese Secretariat* Kuala Lumpur, bukan setakat untuk kegunaan negeri Selangor tetapi juga untuk negeri NNMB seperti Negeri Sembilan dan Pahang.

Dengan pelaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan, candu sudah tidak diimport oleh pemajak candu sebaliknya oleh *Superintendent of Government Monopolies* dan pihak-pihak yang mempunyai lesen khas. Di bawah seksyen 6 Enakmen Candu 1903 yang diterbitkan di dalam *Selangor Government Gazette* pada 28 Disember 1909, No. 49. Vol. XX, Notification No. 897, terdapat beberapa perubahan yang wartakan. Pertama, semua candu yang dibawa masuk ke Selangor hendaklah diserahkan oleh pihak berkuasa kereta api ke dalam jagaan Penyelia Kastam atau Ketua Pegawai Kastam di Kuala Lumpur, selepas membayar cukai import dan sewa gudang pada kadar yang ditetapkan dengan disertai permit dalam Borang A untuk membenarkan penyingkiran candu. Kedua, candu dari India tidak boleh diimport dalam kuantiti yang lebih kecil daripada empat puluh bola. Ketiga, sebelum penghantaran mana-mana candu dari rumah kastam, pengimpor hendaklah menyerahkan kepada Pegawai Kastam permit kebenaran mengeksport candu dan pegawai kastam perlu memastikan tanda pada permit eksport itu sepadan dengan tanda pada candu yang diimport. Keempat, permit percuma untuk mengeksport candu di mana duti import telah dibayar dengan sewajarnya boleh dikeluarkan dalam borang B dan hendaklah ditandatangani oleh Penyelia Kastam atau Ketua Pegawai Kastam. Kelima, lesen untuk mengimport candu selain daripada candu yang ditanam di India dan yang dikilangkan atau dibeli oleh *Government of India* atau lebih dikenali sebagai *Benares*, *Malwa* atau *Patna* boleh dikeluarkan oleh Residen mengikut budi bicara apabila pembayaran yuran sebanyak lima puluh dolar untuk setiap atau jumlah yang kurang berkadar untuk mana-mana bahagian setahun dijelaskan. Keenam, setiap pengimpor candu yang mendapat lesen ke atas candu haruslah menyerahkan kepada Penyelia Kastam atau Ketua Pegawai Kastam satu permit bertulis untuk mengeksport yang juga

harus ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di tempat terakhir candu itu dieksport. *Ketujuh*, duti import hendaklah dibayar oleh pengimport yang dilesenkan ke atas semua candu pada kadar yang boleh ditulis dari semasa ke semasa di bawah peruntukan mana-mana Enakmen yang berkuat kuasa pada masa itu untuk mengawal selia pengenaan duti Kastam. *Kelapan*, sebelum atau pada masa pembayaran cukai import yang dilesenkan, pengimport hendaklah membuat perisytiharan kepada Penyelia Kastam atau Ketua Pegawai Kastam sifat, keterangan dan berat mana-mana candu yang diimport dan yang *kesembilan* candu sedemikian tidak boleh diimport dalam kuantiti yang lebih kecil daripada satu paket beratnya tidak kurang daripada 120 kati.

Penjualan candu turut dihadkan kepada premis-premis yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan candu sahaja. Sesiapa yang didapati bersalah bermiaga tanpa lesen atau melakukan penyeludupan candu masuk atau keluar dari Selangor akan dikenakan hukuman seperti denda sehingga \$5,000 atau penjara tidak lebih enam bulan (1957/0149779, *Revised rules under the opium enactment*). Pihak British juga semakin ketat dalam memberikan dan memperbaharui lesen candu kepada peniaga atau pengusaha lombong bijih timah. Misalnya permohonan Lim Yong Thiam, Chop Sam Eng Watt untuk mendapatkan lesen runcit dan menghisap candu di Pulau Ketam ditolak oleh Setiausaha Residen Kuala Lumpur kerana sudah terdapat satu kedai candu di kawasan tersebut walaupun terdapat jumlah penduduk Cina yang ramai iaitu kira-kira 2,000 orang (1957/0150355 *Beg to apply for a retail and opium smoking license*). Begitu juga dengan permohonan yang dibuat oleh Teonh Eng Chin, Chop Eng Choon, di dalam suratnya yang bertarikh 11 Januari 1910 memohon untuk pembaharuan lesen kedai candu di daerah Klang bagi kemudahan penduduk Cina mendapatkan candu telah ditolak oleh Setiausaha Residen British (1957/0150131 *Begging Teonh Eng Chin, Chop Eng Choon*). Ini jelas menunjukkan pelaksanaan Dasar Monopoli adalah lebih tegas dalam menyekat dan mengurangkan bilangan kedai candu di negeri Selangor.

Menerusi dasar ini juga, pihak British membentuk dua jenis lesen perniagaan candu di NNMB termasuk Selangor iaitu lesen jualan secara borong (*retail*) dan lesen jualan gabungan kedai iaitu lesen menghisap candu di tempat awam dan lesen jualan secara borong. Bagi premis yang tidak mendapat lesen, sekatan akan dibuat terhadap kedai mereka secara serta-merta. Dengan mengambil kira resolusi yang dicadangkan oleh Pertubuhan Anti-Candu Selangor, British menetapkan Fasal 14 dalam Enakmen Opium dan Candu 1910, larangan berikut:

“tiada seorang pun boleh menghisap candu di mana-mana rumah makan, rumah penginapan awam, teater atau tempat peranginan awam lain, atau di mana-mana kelab, atau di mana-mana rumah pelacuran, atau di mana-mana depot jinrikisha iaitu kenderaan penumpang kecil beroda dua seperti kereta dengan bahagian atas lipat ke bawah, ditarik oleh seorang atau di mana-mana selain kedai yang dilesenkan untuk tujuan di bawah Enakmen ini; dan tiada orang yang mempunyai kawalan atau pengurusan mana-mana tempat atau kedai sedemikian boleh membenarkan menghisap candu di dalamnya”. (1957/0191156 *The Opium and Candu Enactment 1910 Amendment Enactment 1916*)

Peraturan di atas menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pihak British dalam menyekat pengambilan candu secara berperingkat dalam kalangan masyarakat selari dengan tujuan utama penubuhan Dasar Monopoli Kerajaan. Selain peraturan mengenai lesen dan tempat jualan, hanya candu yang mempunyai logo British sahaja dibenarkan perdagangannya bagi mengelakkan candu seludup dijual.

### Ruang lingkup bidang kuasa Jabatan Monopoli Candu

Jabatan Monopoli Candu turut berperanan dalam mengawal harga jualan candu bagi mengelakkan peniaga sesuka hati meletakkan harga yang tinggi atau terlalu rendah. Misalnya pada tahun 1919, pemilik lesen membeli candu dengan \$10 untuk satu tahil namun mereka tidak dibenarkan menjual semula dengan nilai melebihi berikut:

Jadual 1. Harga Jualan Candu, 1919

Candu	Harga
Paket 3-hun candu	\$0.33
Bekas dengan 3-chi candu	\$3.25
Bekas dengan 1 tahil candu	\$10.50

Sumber: 1957/0207689, *Rates at Which Candu is sold by Government to License Holders Notifying Auditor General of 1919*

Menerusi pelaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan para peniaga hanya akan mendapat keuntungan bergantung dengan harga yang telah ditetapkan oleh pihak British. Mereka tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan harga untuk mendapat keuntungan kerana pegawai British dan pegawai polis akan melakukan pemeriksaan secara rawak dan tindakan tegas akan diambil kepada mereka yang melanggar peraturan harga yang telah ditetapkan. Sekali gus hal ini dapat menghapuskan kapitalis Cina yang wujud semasa pengamalan Sistem Pajakan Hasil Candu.

Di bawah pentadbiran British, undang-undang berkaitan candu menjadi semakin ketat misalnya semua candu yang diniagakan mestilah diproses oleh British di Singapura. Penjualan candu pula terhad kepada lelaki Cina berumur 21 tahun ke atas atau mereka yang berdaftar dan mempunyai lesen khas sahaja. Kanak-kanak dan wanita langsung tidak dibenarkan memasuki premis menjual candu melainkan isteri dan anak kepada pemilik lesen. *Chandu dross* tidak dibenarkan dijual melainkan kepada *Superintendent of Candu* dan akan dimusnahkan. Di samping itu, permohonan bagi mendapatkan lesen perniagaan dan lesen mengimport candu turut diperketatkan di bawah Enakmen Opium dan Candu 1910 iaitu:

"Setiap pemohon untuk mendapatkan lesen hendaklah menyediakan perbelanjaan sendiri dua gambar dirinya sendiri dan salah satunya hendaklah dilekatkan kepada yang dilesenkan dan diberikan kepada pihak berkuasa."

Peraturan ini adalah wajar untuk memudahkan pegawai monopoli candu membuat pemeriksaan keselamatan terhadap peniaga-peniaga atau pemegang lesen berdasarkan gambar berbanding dengan mengenal pasti cap jari (1957/0159504 *Opium and candu enactment*). Selain memudahkan untuk pegawai berkuasa mengenal pasti pegawai-pegawai yang terlibat ia juga penting untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian penipuan cap jari yang mengambil masa untuk diperiksa dan tidak begitu praktikal untuk diamalkan.

Seterusnya pada 23 September 1916, beberapa perubahan dibuat ke atas draf Enakmen Opium dan Candu 1910, seperti perubahan intepretasi perkataan opium, chandu, chandu kerajaan dan *chandu dross*, di mana kesemuanya membawa maksud yang berbeza dan di dagangkan mengikut peraturan yang tersendiri. Pesuruhjaya Tinggi yang bertempat di Singapura mengarahkan kesemua tanah jajahan untuk menggunakan istilah opium atau candu yang bermaksud candu mentah, chandu pula digunakan untuk menunjukkan candu yang telah diproses dan *chandu dross* adalah lebihan yang berhasil setelah melalui proses memasak. Manakala chandu kerajaan adalah chandu yang telah diproses dan dijual oleh kerajaan.

Perubahan peraturan yang dibuat juga adalah lebih ketat seperti perkara 7 di mana seorang pemilik lesen menjual candu tidak boleh menjual candu luar dari kawasan yang telah ditetapkan, tidak dibenarkan menyimpan candu di rumah atau bilik serta mempunyai dalam milikannya apa-apa candu yang beratnya melebihi tujuh setengah tahil. Selain dari pegawai-pegawai Jabatan Monopoli Candu yang dilantik, Residen British adalah orang yang bertanggungjawab untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dan enakmen ini dipatuhi dan berjalan lancar. Oleh itu, pihak British bersungguh-sungguh dan mengenakan hukuman yang lebih ketat terhadap kesalahan membabitkan candu. Mana-mana pihak yang didapati tidak menjalankan tanggungjawab dengan amanah akan dihadapkan di mahkamah Majistret Kelas Pertama dan dikenakan hukuman setimpal. Premis perniagaan pula akan dilakukan pemeriksaan pada bila-bila masa yang dirasakan perlu oleh pegawai kerajaan dan mereka diberi kuasa untuk menahan sesiapa sahaja yang disyaki melakukan


kesalahan membabitkan candu tanpa waran. (1957/0191156 *The Opium and Candu Enactment 1910 Amendment Enactment 1916*).

## KESAN PENGUATKUASAAN DASAR MONOPOLI KERAJAAN

Penghapusan Sistem Pajakan Hasil Candu dan pelaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan sudah tentu memberi perubahan ke atas keseluruhan proses perdagangan candu di Selangor sekali gus membawa kesan kepada ekonomi negeri. Pada satu sudut, British menampakkan usaha yang dilakukan oleh pihaknya bagi mengekang pengambilan candu dalam kalangan masyarakat terutamanya orang-orang Cina yang turut menjadi perbincangan pada peringkat antarabangsa walaupun tidak semua langkah yang di ambil menunjukkan kesan yang positif. Pengenalan dasar ini juga adalah kesinambungan kepada Persidangan Candu Antarabangsa yang diadakan di *The Hague* pada tahun 1912 yang telah ditandatangani oleh Britain, Belanda, China, Jepun dan negara-negara lain. Antara isi kandungan perjanjian adalah semua negara yang menurunkan tandatangan perlu mengawal pengeluaran dan perdagangan candu, mengelakkan mengeksport candu ke negara yang melarang pengambilannya dan penggunaan dadah adalah untuk tujuan perubatan, bagi tujuan lain perlu dielakkan (1957/0608429 *International Opium Convention Statistic for the Year 1919*).

### Penurunan Bilangan Premis Penjualan Candu

Perubahan ketara yang boleh dilihat setelah Dasar Monopoli Kerajaan dibuat di negeri Selangor adalah pengurangan dari segi bilangan premis perniagaan menjual candu. Ini kerana dasar ini mengehadkan premis jualan kepada dua jenis iaitu kedai memborong candu dan kedai menghisap candu awam. Dengan sekatan dan peraturan yang dibuat oleh British bilangan premis jualan menunjukkan trend yang semakin menurun, seperti rajah di bawah:



Rajah 3. Premis Penjualan Candu di Selangor, 1916-1923  
Sumber: CO273/347/18153 *Petition of Singapore opium farmers*, 6 May 1909

Penurunan premis penjualan candu selepas tahun 1920 adalah disebabkan pembukaan Kedai Chandu Kerajaan (*Government Retail Chandu Shops*). Kedai Chandu Kerajaan diperkenalkan sebagai usaha dalam mengawal penjualan candu sama seperti eksperimen yang dilakukan di negeri Perak. Ini dilakukan secara beransur-ansur untuk menghapuskan semua hak larangan dan mengurangkan penggunaan candu. Namun demikian, pembukaan kedai-kedai oleh kerajaan hanya memberi keuntungan kepada kerajaan dan menghalang orang ramai daripada berdagang secara sah. Setelah pengenalan Kedai Chandu Kerajaan, *The Superintendent Candu Monopoly* menegaskan “On and off Licenses” di bawah Enakmen Opium dan Chandu 1910, perlu dikurangkan kepada \$60 atau \$30

sama seperti yang dilakukan di Perak. Di Selangor sehingga 24 Mei 1921, sebanyak enam Kedai Chandu Kerajaan dibuka di beberapa kawasan seperti di bawah:

Jadual 2. Kedai Chandu Kerajaan

Kawasan	Bilangan	Alamat
Kuala Lumpur	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• No. 12 High Street, Kuala Lumpur</li> <li>• Masih dikenal pasti</li> </ul>
Ampang	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• No. 29 Ampang Village</li> </ul>
Kajang	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• No. 2 Jalan Mandaling Street, Kajang</li> </ul>
Klang	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• No. 72 Rambau Street, Klang</li> </ul>
Port Swettenham	1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih dikenal pasti</li> </ul>

Sumber: 1957/0213440 *Establishment of Government Retail Candu Shops*, 1921

Selanjutnya di bawah Dasar Monopoli Kerajaan, British menaikkan harga jualan candu dengan tujuan untuk mengurangkan bilangan mereka yang mengambil candu namun kesannya, bilangan orang yang menghisap *chandu dross* mula meningkat. *Chandu dross* lebih memberikan impak negatif kepada kesihatan berbanding candu, justeru *British Malaya Opium Committee* pada tahun 1924 telah mendesak pihak berkuasa untuk tidak terus menaikkan harga candu dari tahun ke tahun bagi mengekang masalah ini dan British menetapkan pembelian bagi *chandu dross* hanya dibolehkan kepada pegawai penguasa British sahaja (1957/0191156 *The Opium and Candu Enactment 1910 Amendment Enactment 1916*). Kesannya masalah akibat menghisap candu jenis ini dapat dikurangkan, antara tahun 1910 dan 1930 pihak British telah membelanjakan sebanyak \$4,000,000 untuk membeli *chandu dross* (Victor 1997).

Secara amnya dapat dilihat apa yang dilakukan sebagai usaha untuk membasmi kegiatan menghisap candu secara berperingkat oleh British namun perkara ini tidak dipersejuaui oleh sesetengah sejarawan. Jayakumary dan Syamala misalnya berpendapat selama lebih kurang tiga dekad dasar ini dilaksanakan, British seakan lupa untuk membuat sebarang usaha bagi membanteras amalan penjualan candu bahkan apa yang difokuskan oleh British ialah keuntungan yang mampu diperoleh dengan hasil perdagangan candu (Jayakumary dan Syamala 2020). Dasar Monopoli Kerajaan juga lebih menguntungkan pihak British berbanding semasa pelaksanaan Sistem Pajakan Hasil Candu. Ini dapat dilihat melalui laporan *FMS Annual Report* dan *Auditor's Annual Report Straits Settlements & Federated Malay States* dari tahun 1911 hingga 1940 yang dikeluarkan untuk NNMB termasuk Selangor.

Jadual 3. Jumlah candu yang dijual oleh British di NNMB, 1915-1919

Negeri	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Pahang
<b>Tahun (Tahil)</b>				
<b>1915</b>	880,494.00	565,203.00	215,310.90	110,609.10
<b>1916</b>	881,798.58	560,499.00	248,731.00	108,733.71
<b>1917</b>	714,355.50	466,639.50	230,772.00	98,096.86
<b>1918</b>	860,557.80	547,692.00	251,799.00	123,506.13
<b>1919</b>	777,511.50	499,384.80	258,484.00	115,555.71
<b>Jumlah</b>	<b>4,114,717.38</b>	<b>2,639,418.30</b>	<b>1,205,096.90</b>	<b>556,501.41</b>

Sumber: H.C.O.NO. H.C 2110/1916, *International Opium Convention. Statistic for the Year 1916*

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dapat diperhatikan hasil perdagangan candu masih tetap menjadi penyumbang kepada ekonomi kepada British walaupun dengan perlaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan. Hasil kutipan candu pada tahun 1915 hingga 1919 adalah hasil daripada tindakan British memperkenalkan kadar baru untuk jualan candu pada harga borong kepada pemegang lesen. Secara tidak langsung, harga borong yang diperkenalkan akan memberi kesan kepada kadar pembelian

candu. Penurunan pada tahun-tahun berikutnya adalah berikutan dengan kemelesetan ekonomi yang berlaku serta permintaan bijih timah yang semakin berkurangan menyebabkan banyak lombong bijih timah ditutup dan buruh-buruh Cina merasakan candu bukan lagi keperluan utama mereka. Trend penurunan yang ditunjukkan 1940 menyebabkan British tidak lagi melihat candu sebagai satu bahan komoditi yang dimasukkan ke dalam bajet NNMB seperti arahan yang dikeluarkan oleh Sir Cecil Clementi iaitu Pesuruhjaya Tinggi British:

“Tiada pulangan kemakmuran boleh membawa pengembangan yang sepadan dalam sumber pendapatan ini, kami telah melaksanakan kewajipan antarabangsa berhubung dengan dasar candu, yang mesti dihormati dan kami mengharap untuk melihat penghapusan keseluruhan hasil candu. Sehubungan itu, angka hasil Perdagangan dan Kastam yang akan saya sebutkan di alamat ini tidak termasuk sebarang resit yang diperoleh daripada penjualan candu.” (*FMS Annual Report 1927*)

Isu ini turut dipersetujui oleh beberapa penulis yang menyatakan, dengan Dasar Monopoli Kerajaan yang diperkenalkan, pihak British memperkenalkan Tabung Simpanan Hasil Candu (*Opium Revenue Replacement Fund*) bagi menampung kekurangan hasil candu yang dihasilkan di tanah jajahannya termasuklah negeri Selangor. Walaupun kedai penjualan candu semakin berkurangan dengan kewujudan ‘Kedai Chandu Kerajaan’ namun British memastikan bekalan candu sentiasa mencukupi sehingga perdagangan candu di bahagian pedalaman di hantar menggunakan bot-bot kerana hanya boleh diakses menggunakan jalan air (Amer Fawwaz, Mohamad Yasid dan Noraini Zulkifli 2021). Hal ini jelas menunjukkan, walaupun British melakukan beberapa perkara untuk mengekang masalah pengambilan candu di tanah jajahannya namun mereka masih tidak bersedia untuk menganggung kerugian akibat pengharamannya secara menyeluruh.

### **Penipuan Pada Bungkusan Candu**

Penguatkuasaan Dasar Monopoli Kerajaan yang diperkenalkan turut menimbulkan beberapa isu seperti penipuan pada bungkusan candu kerajaan. Terdapat pegawai yang mengeluarkan sebahagian isi candu kerajaan dan mencampurkan dengan candu yang diseludup serta meninggalkan candu yang tidak berkualiti dengan menggunakan logo kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak berkuasa akan memberi wang imbuhan kepada sesiapa yang membantu mengesan dan menangkap mereka yang terlibat (HCOF 827/1909 *Rewards for the Detection of Opium Smuggling*). Tawaran ini terbuka kepada orang awam dan juga pegawai kerajaan yang membantu pihak berkuasa kerana objektifnya adalah untuk menumpaskan aktiviti penyeludupan candu dan bukan sekadar merampas candu yang dibawa masuk secara haram. Hal ini kerana penipuan pada bungkusan telah menyebabkan masalah yang lebih teruk iaitu masalah penyeludupan candu. Oleh itu, cara terbaik bagi menghentikan masalah ini adalah menerusi kawalan secara langsung di Negeri-negeri Selat agar kegiatan candu tidak lagi di seludup masuk ke Negeri-negeri Melayu dan menjelaskan perjalanan perdagangan candu itu sendiri

### **Pemalsuan Logo Kerajaan**

Selain itu, terdapat juga isu yang memalsukan logo kerajaan yang digunakan di atas bungkusan candu yang diseludup. Bagi mengatasinya, *British Malaya Opium Committee* mengusulkan pihak berkuasa untuk menghasilkan paket dan kaedah pembungkusan candu baharu yang lebih tahan lasak serta tidak mudah rosak. Cadangan untuk menggantikan paket candu tiga hun kepada paket dua *hun* bagi mengelakkan percubaan memasukkan candu seludup ke dalam candu kerajaan. Pegawai daerah turut mewajibkan agar semua kapal yang berlabuh untuk mendapatkan pas dan bagi sesiapa yang melanggar peraturan kesemua candu mereka akan dirampas. Ganjaran turut diberikan kepada pegawai yang berjaya menumpaskan kegiatan penyeludupan candu di negeri Selangor. (HCOF 827/1909 *Rewards for the Detection of Opium Smuggling*).

Isu penyeludupan adalah isu yang besar kerana penyeludupan candu menjasaskan perdagangan candu dan memberi kesan kepada ekonomi pihak British. Rampasan yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi menangani kegiatan penyeludupan candu dan membuktikan pihak British sememangnya serius dalam membanteras aktiviti ini serta menunjukkan kecekapan para pegawai yang bertugas untuk mengelakkan kemasukan kapal-kapal yang membawa candu dari kawasan yang tidak dibenarkan.

### **Kenaikan Harga Candu**

Selanjutnya pengenalan Dasar Monopoli Candu turut memberi kesan kepada harga candu. Peningkatan harga menyebabkan penghisap candu memilih untuk mengambil *chandu dross* sebagai ganti dan candu jenis ini adalah amat popular kepada golongan yang berpendapatan rendah. *Chandu dross* adalah berbahaya dan dilaporkan lebih 23 kali ganda berbahaya daripada morfin serta telah mengakibatkan kematian akibat pengambilan candu jenis ini. Jika seseorang menghisap 3 hun candu biasa, jumlah morfin yang akan disedutnya adalah seberat 0.0175 gram sebaliknya dalam jumlah yang sama untuk *chandu dross*, jumlah morfin yang diambil adalah lebih kurang 0.4130 gram. Walaupun harga *chandu dross* dinaikkan, timbul pula masalah lain apabila pemegang lesen menjualnya dalam pasaran gelap. Berikutnya masalah ini, pihak British mendapat kritikan yang teruk dan akhirnya memutuskan kesemua *chandu dross* akan dibeli oleh mereka. Selain itu, seorang juru kimia yang mewakili pihak British diletakkan dalam Jabatan Monopoli Candu bagi memastikan kesemua *chandu dross* yang dibeli oleh mereka adalah yang dibawa masuk dari Negeri-negeri Selat. Langkah ini dilihat sebagai serampang dua mata kerana selain dapat mengesan percubaan pemilik kedai bertindak mengambil kesempatan membawa masuk *chandu dross* untuk dijual kepada pihak British, ia juga dapat memastikan semua candu yang digunakan adalah candu milik British dan bukannya yang di seludup (H.C.O.NO. H.C 2110/1916 *International Opium Convention. Statistic for the Year 1916*).

Jelas di sini memperlihatkan walaupun British mengatakan objektif utama mereka adalah untuk membanteras kegiatan perdagangan candu secara berperingkat namun ia mengambil masa yang sangat lama sementara mereka mencari jalan untuk mendapatkan satu kegiatan ekonomi yang mampu menggantikan aktiviti ini. Dapat diringkaskan, Dasar Monopoli Kerajaan yang diperkenalkan memberi kesan yang besar kepada ekonomi di negeri Selangor. Walaupun terdapat penurunan kepada permintaan candu tetapi British menikmati hasil pendapatan yang tinggi selama dua puluh tahun yang tidak pernah diperoleh semasa perlaksanaan Sistem Pajakan Hasil Candu.

### **KESIMPULAN**

Kesimpulan yang dapat dibuat dari penguatkuasaan Dasar Monopoli Kerajaan yang diperkenalkan oleh British di Selangor untuk tempoh 1911 hingga 1941 ialah terdapat banyak pembaharuan yang dilakukan namun kesemuanya mengambil kira kepentingan ekonomi British. Pada mulanya British memperkenalkan Sistem Pajakan Hasil Candu, di mana keuntungan diperoleh dengan memberi lesen kepada pemodal atau peniaga yang mampu untuk membeli lesen pajakan hasil candu. Kebanyakan pemegang lesen adalah pengusaha lombong bijih timah itu sendiri. Namun atas desakan gerakan anti-candu seperti Pertubuhan Anti-Candu Selangor dan persidangan anti-candu di peringkat antarabangsa telah membuatkan pihak British menggantikan sistem tersebut kepada Dasar Monopoli Kerajaan. Menerusi dasar ini, pihak British akan mengawal keseluruhan proses perdagangan candu termasuklah proses import hingga kepada pemberian lesen jualan kepada peniaga. Objektif utama pelaksanaan Dasar Monopoli Kerajaan adalah untuk menghentikan pengambilan candu secara berperingkat terutamanya dalam masyarakat Cina. Justeru satu enakmen dan peraturan telah digubal di bawah Enakmen Opium dan Candu yang terkandung pelbagai peraturan berkaitan dengan urusan perdagangan candu seperti larangan menghisap candu di tempat awam, depoh beca, rumah-rumah makan dan rumah pelacuran, larangan menjual candu kepada lelaki bawah 21 tahun dan larangan wanita serta kanak-kanak daripada memasuki premis perniagaan candu kecuali isteri dan anak pemilik lesen.

Berikutnya dengan pelaksanaan dasar ini, banyak kedai jualan candu yang ditutup dan peniaga tidak mendapat lesen untuk menyambung semula perniagaan mereka. Pemberian lesen juga adalah amat

ketat dan terhad bagi setiap kawasan. Menjelang tahun 1920, kerajaan negeri mula membuka kedai cанду kerajaan setelah melihat kejayaan eksperimen di negeri Perak, Statistik menunjukkan berlakunya penurunan bilangan premis perniagaan cанду di Selangor. Pihak British turut menaikkan harga cанду dalam usaha untuk mengekang pengambilan cанду. Penghapusan Sistem Pajakan Cанду turut membawa masuk kapitalis barat ke negeri Selangor dengan membawa teknologi baru untuk perlombongan. Bahkan secara tidak langsung, British telah menyingsirkan kapitalis Cina ke sektor ekonomi lain seperti perkapanan, pembinaan dan sebagainya. Tetapi tidak dinafikan terdapat juga beberapa masalah yang timbul semasa pentadbiran British terhadap perdagangan cанду seperti masalah penipuan bungkusan cанду, masalah penyeludupan dan penipuan logo yang dipalsukan. Kenaikan harga cанду turut menyebabkan orang-orang Cina mengambil *chandu dross* sebagai ganti kerana harga yang lebih murah, namun kesannya lebih buruk kepada kesihatan. Namun kesemua masalah itu dapat diselesaikan oleh pegawai British yang turut dibantu oleh pegawai polis dan kastam. Serbuan secara rawak turut dilakukan pada bila-bila masa oleh pegawai di Jabatan Monopoli Cанду. Walaupun demikian, menerusi Dasar Monopoli Kerajaan pihak British mampu mengawal kegiatan cанду yang sebelum ini dimonopoli oleh kaum Cina. Bukan itu sahaja, pihak British turut berjaya memperoleh pendapatan yang tinggi kesan daripada dasar yang diperkenalkan ini yang tidak pernah mereka peroleh sebelum ini. Namun British akhirnya akur ekoran kemelesetan ekonomi dunia dan penurunan terhadap permintaan bijih timah turut menyebabkan permintaan cанду juga mengalami penurunan yang mendadak dan akhirnya dikeluarkan daripada bajet Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Keadaan ini berterusan sehingga Perang Dunia Kedua dan akhirnya British membuat pengharaman secara total ke atas perdagangan cанду.

## BIBLIOGRAFI

- 1957/0132576: *Resolution passed at a mass meeting of the Chinese inhabitants of Kuala Lumpur to suppress the opium traffic*
- 1957/0148233: *Forwards copy of the resolutions of the anti-opium conference held at Kuala Lumpur*
- 1957/0149779: *Revised rules under the opium enactment*
- 1957/0150131: *Begging Teonh Eng Chin. Chop Eng Choong*
- 1957/0150355: *Beg to apply for a retail and opium smoking license*
- 1957/0159504: *Opium and cанду enactment*
- 1957/0162444: *Annual Report on the Cанду Monopoly for 1911-1912*
- 1957/0191156: *The Opium and Cанду Enactment 1910 Amendment Enactment 1916*
- 1957/0207689: *Rates at Which Cанду is sold by Government to License Holders Notifying Auditor General of 1919*
- 1957/0213440: *Establishment of Government Retail Cанду Shops*
- 1957/0608429: *International Opium Convention Statistic for the Year 1919*
- 2006/0013013: *Federated Malay States (F.M.S.) Annual Report. 1927*
- 2006/0047045: *Cartographer Survey Department F.M.S. Selangor. 1950*
- CO273/347/18153: *Petition of Singapore opium farmers. 6 May 1909*
- H.C.0.NO. H.C 2110/1916: *International Opium Convention. Statistic for the Year 1916*
- HCOF 827/1909: *Rewards for the Detection of Opium Smuggling. 7 July 1909.*
- SSF 3685/1894: *Selangor Opium Farms Conditions. Selangor Coast Chandi Farm Conditions*
- “Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu”. PeKhabar. 1 Julai 2015. <https://pekhabar.com/h-i-d-s-penubuhan-negeri-negeri-melayu-bersekutu/>. Diakses pada 19 Mei 2022.
- “Sejarah Negeri Selangor”. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor. 14 Mei 2019 <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/124>. Diakses pada 28 Mei 2022.
- Abdullah Zakaria (editor). 2005. *Sejarah Negeri Selangor Dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*. Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor.
- Amer Fawwaz Mohamad Yasid & Noraini Zulkifli. 2021. Ketagihan Cанду di Tanah Melayu Sehingga Tahun 1957. *Sejarah: Journal of History Department. University of Malaya* 30(1): 128-142.
- Carl A. Trocki. 2002. Opium and the Beginnings of Chinese Capitalism in Southeast Asia. *Journal of Southeast Asian Studies* 33(2): 297-314.
- Diana S. Kim. The Sticky Problem of Opium Revenue. *Biblioasia*. I Oktober 2020. <https://biblioasia.nlb.gov.sg/vol-16/issue-3/oct-dec-2020/opium-revenue>. Diakses pada 20 Mei 2022.

- Eastern Daily Mail and Straits Morning Advertiser.* 21 December 1906. Hlm. 2.
- Gullick, J.M. 1993. *Glimpses of Selangor 1860-1898*. Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Jayakumary Marimuthu & Syamala Nair. 2020. Candu dan Dasar Monopoli Kerajaan: Kesan Terhadap Kewangan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). 1911-1940. *Sejarah: Journal of History Departmen* 29(1): 96-116.
- Jayakumary Marimuthu & Azmi Arifin. 2018. Pembanteras tabiat mencandu dan peranan Gerakan Anti-Candu di NNMB Sebelum Tahun 1910. *e-Proceedings. International Conference on Sustainability, Humanities and Civilization (ICSHAC)*, hlm. 35-51.
- Noorjannah Adam & Adnan Jusoh. 2018. Pembaharuan Dalam Pentadbiran Negeri Selangor Sepanjang Tempoh Pemerintahan Sultan Abdul Samad Di Jugra. 1857-1898. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 31(2): 17-28.
- Ong Teck Hong & R.E. Isralowitz. 1996. *Substance Use in Singapore: Illegal Drugs, Inhalants and Alcohol*. Singapore: Toppan Company.
- Richards, J.F. 2002. Opium and the British Indian Empire: The Royal Commission of 1895. *Modern Asian Studies* 36: 375-420.
- Tregonning, K.G. 1964. *A History of Modern Malaya*. Singapura: Eastern Universities Press Ltd.
- Victor Purcell. 1997. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. Nik Hasnaa Nik Mahmood. (Terj.). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Nur Azrin Mohammed Mohayaddin  
 Jabatan Sejarah  
 Fakulti Sains Kemanusiaan  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 39500 Tanjong Malim, Perak  
 E-mel: nurazrinmohayaddin@gmail.com

Adnan Jusoh, Ph.D  
 Jabatan Sejarah  
 Fakulti Sains Kemanusiaan  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 39500 Tanjong Malim, Perak  
 E-mel: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Received: 27<sup>th</sup> December 2022

Accepted: 4<sup>th</sup> January 2023

Published: 30<sup>th</sup> April 2023